



KETUA SETIAUSAHA

Secretary General

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2539

Faks: 03-8889 5245

Ruj. Kami : KKM-58/300/1-5 Jld.3 (5)

Tarikh : 20 Disember 2018

Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-Pengarah Hospital

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 5/2018 - GARIS PANDUAN PENGURUSAN HOSPITAL KLUSTER

1. TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan memaklumkan tatacara pelaksanaan pengurusan Hospital Kluster di Jabatan-jabatan Kesihatan Negeri dan Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang terlibat dengan pelaksanaan Hospital Kluster.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Inisiatif Hospital Kluster telah diperkenalkan sebagai satu langkah bagi meningkatkan efisiensi perkhidmatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Inisiatif ini dilaksanakan dengan menggabungkan dua (2) atau lebih hospital-hospital berpakar dan hospital-hospital tanpa pakar di lokasi geografi yang sama bagi membentuk satu kluster di mana perkhidmatan dijalankan melalui perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber di dalam hospital-hospital yang terlibat.
- 2.2 Inisiatif Hospital Kluster telah dimulakan sebagai projek rintis pada tahun 2014 di tiga (3) buah Hospital Kluster iaitu Hospital Kluster Melaka, Hospital Kluster Pahang Tengah dan Hospital Kluster

Tawau. Sepanjang pelaksanaannya, inisiatif ini telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan di mana perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber di hospital-hospital yang dikeluarkan dapat meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran yang lebih berkualiti.

- 2.3 Sehubungan dengan itu, bermula pada tahun 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memutuskan agar inisiatif Hospital Kluster diperluaskan secara berfasa sehingga semua Hospital KKM yang sesuai dapat melaksanakan inisiatif ini. Sehingga tahun 2018, terdapat 13 Hospital Kluster telah dilaksanakan melibatkan 47 hospital di 11 negeri.
- 2.4 Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan, Garis Panduan Pengurusan Hospital Kluster dibentuk selaras dengan keperluan pelaksanaan inisiatif ini. Garis Panduan Pengurusan Hospital Kluster yang khusus tetapi fleksibel ini dibentuk bagi menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster.

3. GARIS PANDUAN PENGURUSAN HOSPITAL KLUSTER

Garis Panduan ini memperjelaskan mengenai Pengurusan Hospital Kluster merangkumi skop pengurusan dan pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, kewangan, akaun, hasil, perolehan dan aset.

4. TANGGUNGJAWAB


- 4.1 Garis panduan ini hendaklah diedarkan kepada semua anggota yang terlibat dalam pengurusan Hospital Kluster. Pengarah Kesihatan Negeri, Ketua-Ketua Kluster dan Pengarah-pengarah Hospital adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster adalah berpandukan Garis Panduan Pengurusan Hospital Kluster.
- 4.2 Sehubungan itu, Garis Panduan Pelaksanaan Struktur Organisasi dan Pengurusan Sumber Manusia Hospital Kluster Rujukan KKM 600-27/16/4 Jld4 (12) yang telah diedarkan melalui surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bertarikh 9 Februari 2018 adalah terbatal.

5. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pengurusan Hospital Kluster berkuat kuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI DR CHEN CHAW MIN)

s.k

Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Pengarah, Bahagian Perkembangan Perubatan
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan
Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia
Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Setiausaha Bahagian, Bahagian Akaun